

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

MUHAMAD MU'IZZUDDIN BIN SANI

Bertajuk

**LAPORAN CADANGAN MEREKA BENTUK DALAMAN
INDIE BAND CAFÉ DI LOT 12-1B & 1C, JALAN GREENTOWN 9,
PUSAT PERNIAGAAN GREENTOWN, 30300 IPOH PERAK.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : Suhaila 8/4/09 Puan Suhaila Binti Sufar
Koordinator : _____ Puan Azizah Binti Md Ajis
Koordinator program : _____ Prof.Madya. Dr Hj Sabrizaa Bin Abd Rashid

ABSTRAK

Di Malaysia terdapat beberapa buah kafe yang mengetengahkan persembahan secara 'live' di mana ianya mempunyai tarikan masing-masing bagi menarik perhatian pelanggan untuk mengunjunginya. Antara kafe yang terkenal di Malaysia ialah di Kuala Lumpur iaitu 'Hardrock Café' dan 'Planet Hollywood'. Projek akhir ini merupakan cadangan merekabentuk ruang dalaman untuk 'Indie Band Café'. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai band-band 'Indie di Malaysia'. Selain itu kafe ini juga bertujuan memperkenalkan muzik 'Indie' kepada pelanggan yang mengunjunginya. Kafe ini juga dapat menambah minat orang ramai atau individu tertentu untuk merasai hidangan di dalam ruang kafe tersebut disamping dapat mendengar muzik secara 'live'. Kafe ini, juga adalah sebagai satu 'platform' kepada kumpulan-kumpulan 'Indie' untuk menunjukkan hasil karya mereka kepada masyarakat, ia juga secara tidak langsung dapat membantu menaikkan nama kumpulan-kumpulan indie. Bagi melancarkan projek ini, terdapat 3 fasa metodologi seperti kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian dengan membuat soal selidik. Tujuannya adalah untuk mengkaji kelebihan dan kelemahan yang terdapat di dalam merekabentuk ruang dalaman kafe. Kajian-kajian dan pengumpulan data ini akan diterapkan di dalam proses merekabentuk untuk mendapatkan rekabentuk yang selesa dan menarik di samping imej dan gaya yang tersendiri.

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN KATA	xiv

KANDUNGAN	MUKA SURAT
-----------	------------

BAB 1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	2
1.2 Metadologi Kajian	
1.2.1 Fasa Pertama	
1.2.2 Fasa Kedua	
1.2.3 Fasa Ketiga	3
1.3 Matlamat Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Halangan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13

BAB 2.0 KLIEN	15
2.1 Latar Belakang Klien	17
2.2 Carta Organisasi	18
2.3 Matlamat Klien	18
2.4 Visi & Misi Klien	
2.5 Imej Korporat Klien	
2.5.1 Logo	
2.5.2 Warna Korporat	19
2.6 Ruang dalam Kedai Klien	22
BAB 3.0 KAJIAN DAN ANALISA TAPAK	
3.1 Pengenalan	24
3.1.1 Lokasi Tapak	24
3.1.2 Potensi Tapak	28
3.1.3 Persekutaran Tapak	29
3.1.4 Kemudahan Awam	34
3.1.5 Jalan Utama Dan Jalan Berhampiran	38
3.1.6 Iklim Dan Cuaca	39
3.1.7 Orientasi Angin Matahari dan Arah Mata Angin	39
3.1.8 Lanskap	39

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Cadangan mereka bentuk hiasan dalaman 'Indie Band Café' merupakan suatu idea baru di Malaysia, ini kerana tidak banyak kafe yang mengetengahkan pentas persembahan di dalamnya kerana kurang mendapat sambutan dari pelanggan. Kafe ini dibuka adalah untuk mengubah 'persepsi' sesetengah masyarakat bahawa ia mampu menarik minat mereka.

Awal 80'an kumpulan seperti Search,Wing dan kumpulan yang ber'genre'kan muzik rock, lagu-lagu mereka amat diminati sehingga cara pemakaian mereka menjadi ikutan bagi sesetengah peminat. Maka, tidak hairanlah pada masa kini, muzik dari kumpulan ber'genre'kan 'Indie' seperti Hujan, Meet Uncle Hussein, Estranged dan Bunkface semakin mendapat tempat dihati generasi muda secara tidak langsung, ia membawa anjakan paradigma dan membawa perubahan dalam industri muzik tempatan. 'Indie' adalah bermaksud singkatan bagi 'Indiependent' yang diambil dari Bahasa Inggeris yang bermaksud kebebasan, berdikari, dan bukanlah satu 'genre' muzik. Perkataan Indie semakin diterima pakai oleh generasi muda yang dahulunya kumpulan ini lebih dilabelkan sebagai kumpulan 'underground'.

Kajian yang dibuat adalah cadangan mereka bentuk dalaman sebuah kafe di Bangunan Lot 12-1B & 1C, Jalan Greentown 9, Pusat Perniagaan Greentown, 30300 Ipoh, Perak. Cadangan ini bertujuan untuk memberi satu imej baru kepada 'Indie Band Café' kepada masyarakat khususnya golongan remaja.